

KONSEP FATWA DAN CABARAN PENGUATKUASAANNYA DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Azman Ab Rahman



ABSTRACT

Fatwa is an explanation on Islamic ruling, which is needed by local society in facing new issues, as a solution in accordance with Shariah. It also plays a vital role to clarify the confusions and misunderstandings that happen in Muslim community. The solutions offered by Fatwa would satisfy the curiosity and internal feeling of Muslim in their daily life. This article will discuss the concept of fatwa and the challenges of its enforcement according to ‘The Administration of Islamic Law (Federal Territory) Act’. Besides, the writer would also identify the relevant authority body which has been given power by the aforementioned Act to enforce the issued fatwa. The article would try to reveal some problems and challenges in enforcing fatwa. Based on writer’s observation, the standard of fatwa enforcement in Federal Territory of Kuala Lumpur is still below the normal level as it should to be. The number of officers in the Enforcement Division of Islamic Department is inadequate to make the fatwa as effective law. Hopefully, this article would give a clear picture to Muslim community on the reality of fatwa enforcement in Federal Territory of Kuala Lumpur.

ABSTRAK

Fatwa merupakan pemberitahuan sesuatu hukum kepada masyarakat setempat yang diperlukan dalam menghadapi persoalan semasa yang memerlukan kepada penyelesaian yang menepati tuntutan agama. Fatwa juga memainkan peranan penting menyelesaikan kekeliruan dan kekusutan yang dihadapi oleh umat Islam. Sebarang kekeliruan dan masalah yang timbul dapat diatasi dengan fatwa, dan ini seterusnya sudah tentu akan memberikan satu kepuasan kepada umat Islam setempat dan seterusnya mereka akan dapat melakukan aktiviti harian dengan baik dan sempurna. Artikel ini akan membincangkan konsep fatwa dan cabaran penguatkuasaannya setelah diwartakan berdasarkan kepada akta pentadbiran undang-undang Islam Wilayah Persekutuan. Di samping itu, penulis akan mengenalpasti pihak yang bertanggungjawab dalam menguatkuasakan sesuatu fatwa itu setelah diwartakan. Hasil daripada artikel ini penulis mendapati penguatkuasaan fatwa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur masih di tahap yang rendah dan lemah. Antaranya adalah disebabkan beberapa kekangan yang dihadapi oleh Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan terutama dari segi bilangan kakitangan yang tidak mencukupi dan kaedah penyebaran fatwa kepada masyarakat yang tidak sistematik dan tersusun. Diharapkan artikel ini dapat memberi gambaran kepada masyarakat Islam tentang perlaksanaan penguatkuasaan fatwa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur secara khususnya dan pihak-pihak yang berkenaan dalam meningkatkan peranan fatwa dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul secara umumnya.

PENGENALAN

Kepentingan fatwa dalam kehidupan ini jelas terbukti kerana dengan adanya fatwa perlaksanaan hukum-hukum syarak dapat ditegakkan mengikut kaedah-kaedah Syariah. Sesuatu fatwa yang benar dan tepat dapat menjamin perlaksanaan Syariah Islamiah dan perkembangan undang-undang Islam. Al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi sumber utama dalam Syariah Islamiah tidak mungkin difahami oleh semua golongan Muslim kecuali mereka yang mengkaji secara terperinci dalam bidang ilmu agama. Justeru para sarjana Islam, mufti dan Jawatankuasa Fatwa memainkan peranan yang amat penting dalam



Konsep Fatwa dan Cabaran

merealisasikan tuntutan agama bagi memberi kefahaman yang jelas kepada masyarakat dengan cara pengajaran, nasihat, tunjuk ajar dan fatwa. Di samping memastikan segala urusan yang berkaitan fatwa diurus dengan sistematik dan teratur agar tidak timbul kekeliruan di kalangan masyarakat terutama yang berkaitan dengan isu-isu yang kontroversi.

PERNYATAAN MASALAH

Terdapat banyak isu semasa yang telah dibincangkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan ataupun Jawatankuasa Fatwa Negeri, namun bukan semua isu yang telah dibincangkan akan diwartakan. Pada kebiasaan hanya beberapa fatwa yang akan diwartakan setelah mengambil kira keperluan dan kepentingan sesuatu fatwa itu.

Walaupun hanya beberapa fatwa diwartakan, timbul persoalan di kalangan masyarakat tentang isu penguatkuasaan dan amalan fatwa tersebut. Sebagai contoh, Jawatankuasa Fatwa Selangor telah mengeluarkan fatwa dan mewartakan bahawa hukum menyertai peraduan yang menggunakan khidmat pesanan ringkas (SMS) adalah haram kerana mempunyai unsur-unsur perjudian (Negeri Selangor. 28 April 2005. Warta No.9. Warta Kerajaan). Jika diperhatikan pada peringkat awal pengharaman pertandingan tersebut, pihak-pihak yang terlibat telah memberhentikan penganjurannya, namun pertandingan yang menggunakan SMS ini telah muncul kembali seperti peraduan SMS Menang Camry. Secara tidak langsung, ia telah menimbulkan pertanyaan di kalangan masyarakat sama ada fatwa yang telah diwartakan mengikat seseorang Muslim itu ataupun tidak dan adakah tindakan dikenakan sekiranya seseorang itu mengingkari fatwa. Di samping itu, perbezaan fatwa dan amalannya di antara satu negeri dan negeri yang lain juga menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat Islam di Malaysia.

Inilah perkara yang perlu dikaji dan diselidik oleh pihak JAKIM, Jabatan Mufti Negeri dan Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Negeri untuk memastikan fatwa yang telah diwartakan dapat dikuatkuasakan sebaik mungkin dan diterima oleh masyarakat.

PENGERTIAN FATWA

Fatwa dari segi bahasa merupakan kata terbitan dari perkataan Arab “Afta” yang bermaksud memberi penerangan iaitu “Memberi jawapan atau penjelasan bagi sesuatu masalah agama”. Menurut Ibn Manzur, fatwa adalah satu perbuatan yang menetapkan sesuatu fatwa tentang sesuatu hukum atau satu kepentingan hukum yang dikeluarkan oleh faqih (Ibn Manzur 1956:147-148).

Manakala fatwa dari segi istilah bermaksud “pemberitahuan tentang hukum Allah sama ada pada yang wajib atau harus” (al-Qarafiy 1344H:53). Menurut Muhammad Rawas fatwa bermaksud penjelasan dengan persoalan hukum syarak yang dibuat oleh seorang faqih bagi menjawab pertanyaan yang dikemukakan kepadanya (Muhammad Rawas 1985:339). Fatwa juga bermaksud pemberitahuan tentang hukum Allah Taala berdasarkan dalil, kepada orang yang bertanyakannya dalam sesuatu isu yang timbul (al-Ashqar 2001: 277).

Yusuf al-Qaradawiy (1999:1) mendefiniskan fatwa adalah “Penjelasan mengenai hukum syarak oleh Mufti bagi sesuatu masalah agama berdasarkan dalil syarak sebagai jawapan kepada sesiapa yang bertanya, baik secara sendirian ataupun berkumpulan”.

Berdasarkan kepada definisi-definisi fatwa di atas, ia menjelaskan peranan dan kedudukan fatwa iaitu suatu proses menjawab, menerangkan, menjelaskan atau pemberitahuan hukum sama ada ia dibuat secara sendirian oleh seseorang mufti mahupun secara kolektif oleh sesebuah Jawatankuasa Fatwa atau Majlis Fatwa. Pada pandangan penulis, fatwa merupakan pemberitahuan sesuatu hukum oleh mufti tanpa mengikat atau sebarang kemestian untuk dipatuhi dan ia membezakan antara fatwa dengan keputusan mahkamah yang mewajibkan pihak yang berkenaan mematuhi apabila diputuskan oleh kadi.

MUFTI DAN KATEGORINYA

Mufti ialah orang yang memberi dan mengeluarkan fatwa. Terdapat beberapa kategori mufti berdasarkan kaedah mereka mengeluarkan fatwa sama ada semata-mata melalui usaha ijтиhad mereka ataupun mengikut pendapat mazhab dan Imam mereka. Menurut Imam Ibnu al-Qayyim, mufti ini ada empat peringkat iaitu :-

1. Mereka yang memahami al-Quran, al-Sunnah dan perkataan-perkataan sahabat Rasulullah SAW. Mereka ini mujtahid dalam hukum-hukum nawazil.
2. Mujtahid *muqayyad* dalam mazhab tetapi menyempurnakan kekurangan mazhab, tidak bertaqlid kepada Imam mazhab tetapi menggunakan fatwa Imam.
3. Mujtahid mazhab mengetahui dalil syarak dan berkeupayaan berijtihad tetapi tidak mahu menyalahi pandangan Imam Mazhab.
4. Tafaqquh dalam mazhab dan menghafaz fatwa-fatwa Imam dan mengaku bertaqlid kepada Imam Mazhab dan meninggalkan fatwa sahabat jika bersalahan dengan fatwa Imam (Husin Muhammad al-Mallah 2006:610).

ETIKA DAN ADAB SEORANG MUFTI

Terdapat beberapa etika dan adab yang perlu diikuti oleh seorang mufti, antaranya:-

1. Mempunyai niat yang bersih dalam mengeluarkan fatwa untuk mendapat keredaan Allah SWT dan bukan untuk mencari kedudukan, pangkat maupun kekayaan.
2. Mempunyai peribadi yang kuat untuk menyatakan kebenaran dan menegur sesuatu kemungkar tanpa merasa takut, ragu-ragu atau was-was.
3. Keperluan hidup yang mencukupi dan tidak hanya bergantung kepada manusia. Jika tidak seorang mufti itu akhirnya akan menjadi alat kepada manusia dalam mencapai matlamat tertentu mereka.
4. Mengetahui secara teoritikal dan praktikal segala masalah berkenaan fatwa. Ini penting kerana fatwa yang tepat banyak bergantung kepada kefahaman mufti terhadap masalah *mustafti*. Begitu juga untuk mengetahui helah-helah yang digunakan oleh *mustafti* dalam persoalan yang dikemukakan kerana bukan semua pertanyaan itu bertujuan untuk mendapatkan jawapan hukum.
5. Seorang yang mempunyai ilmu yang tinggi, berhemah tinggi (*waqar*), dapat mengawal kemarahan (*hilm*) ataupun tidak lekas marah dan emosi serta seorang yang beradab (*sakinah*). Dengan kata lain seorang mufti itu patut mempunyai keperibadian yang tinggi.

6. Mengutamakan pandangan dan pendapat yang kuat, berasaskan dalil-dalil yang jelas. Oleh itu mufti wajar menjauhi berfatwa dengan pendapat yang lemah atau daif (al-Zaybariyy 1995: 127).
7. Memilih pendapat yang lebih sesuai berdasarkan kepada keadaan dan situasi masyarakat dan tidak mengeluarkan fatwa untuk kepentingan tertentu.
8. Memilih pendapat yang dipersetuju ramai dan bukan pendapat yang diperselisihkan. Ini adalah kerana mufti itu berfatwa untuk mendapat keredhaan Allah dan bukan kepentingan pihak tertentu.
9. Memberi fatwa dalam keadaan tenang di mana marah yang bersanggatan, ketakutan yang menggerunkan, kebuntuan fikiran, keresahan, lapar dan mengantuk yang bersanggatan boleh mempengaruhi fatwa yang dikeluarkan.
10. Perbanyakkan ingatan dan pergantungan kepada Allah kerana ilmu adalah cahaya yang hanya akan dibukakan kepada hamba-Nya yang taat.

Sebenarnya etika dan adab yang telah disebutkan di atas hanya sebahagian daripada yang telah disebutkan oleh ulama. Terdapat beberapa lagi etika lain yang kebanyakannya menjurus kepada ketinggian sahsiah, amanah dalam menyampaikan ilmu dan hanya semata-mata mengharapkan keredaan Allah SWT dalam menjalankan tugas memberi fatwa. Memandangkan mufti berurusan dengan manusia (*al-mustaftiyy*) dan menjawab segala persoalan berkaitan keagamaan, secara tidak langsung menghendaki mereka mempunyai keperibadian yang lebih tinggi.

MAKSUD *AI-MUSTAFIYY*

Al-Mustaftiyy ialah orang yang bukan mujtahid, atau seseorang yang bukan faqih (al-Shawkaniyy 1997:869). Dia juga tidak mencapai taraf seorang mufti. Dia masih lagi bertanya tentang hukum syarak bagi sesuatu masalah supaya dapat diguna pakai untuk diri sendiri sahaja (al- Qasimiyy 1986: 101).

Al-Mustaftiyy juga boleh didefinisikan sebagai orang yang meminta fatwa atau hukum sesuatu masalah daripada mujtahid, dan mereka itu merangkumi orang biasa dan penuntut ilmu (al-Misriyy 2001: 257).



Berdasarkan takrif di atas, *al-mustaftiyy* ialah orang yang mengajukan pertanyaan dan persoalan tentang sesuatu hukum syarak kepada mufti dan ia juga adalah seorang *muqallid* (pengikut) disebabkan dia mengikut pendapat mufti.

ADAB AI-MUSTAFTIYY

Para ulama ada membincangkan dalam kitab-kitab mereka tentang adab serta etika yang perlu diketahui oleh orang yang meminta fatwa, antaranya:

- 1. Hendaklah ia meminta fatwa kepada orang yang benar-benar mempunyai kelayakan dalam bidang fiqh dan elakkan daripada meminta fatwa daripada sebarang orang tanpa mengetahui kealiman dan kefakihannya.**

Menurut sesetengah ulama memadailah dengan dia berpandukan daripada perkhabaran seorang yang adil dalam memilih mufti yang ia hendak ikuti. Tetapi jika terdapat lebih daripada seorang mufti dalam sesebuah negara ataupun tempat itu, mufti manakah yang mesti ia ikuti? Mengenai persoalan ini ada beberapa pandangan ulama tentangnya dan pandangan yang paling tepat ialah tidak perlu bagi seorang *al-mustaftiyy* itu mengikuti mufti yang tertentu tetapi memadailah baginya mengikuti mufti yang mana ia suka atau dengan kata lainnya terpulanglah kepadanya untuk meminta fatwa daripada mana-mana mufti.

- 2. Mengajukan pertanyaan yang bermanfaat.**

Soalan yang baik adalah sebahagian daripada pengetahuan dan soalan yang baik ialah soalan yang dikemukakan mempunyai kaitan dengan kehidupan semasa, dan juga memberi manfaat kepada semua pihak. Jauhkan diri daripada soalan-soalan yang tidak mendatangkan apa-apa manfaat jika diketahui, juga persoalan yang aneh atau pelik-pelik. Ini dilarang kerana ia hanya akan membuang masa dan kadang-kadang boleh membawa kepada pertengkaran, membuang waktu dan memeningkan kepala (al-Qaradawiy t.t:1).

- 3. Tidak menjadikan pertanyaan itu jalan untuk mendapatkan sesuatu perkara yang dilarang agama.**

Seorang *al-mustaftiyy* perlu merasa takut kepada Allah dalam apa-apa perkara yang ingin ditanyakan dan tidak menyembunyikan fakta ataupun nota tertentu yang berkaitan dengan soalan yang diajukan dengan niat untuk mendapatkan fatwa yang memenuhi kemahuannya.

4. Memahami fatwa dan batasan-batasannya dengan betul.

Setelah mendapat sesuatu fatwa itu, adalah sewajarnya seseorang *mustafti* itu memeriksa dan memahaminya dengan betul. Ini adalah penting supaya dia memahami kehendak sebenar fatwa tersebut dan seterusnya membolehkan mengamalkannya. Elakkan daripada terus mengamalkan sesuatu fatwa tanpa memahaminya secara mendalam. Juga elakkan daripada mengambil hanya separuh sahaja daripada penerangan dan pendapat yang diberikan mufti kerana ini akan hanya akan menimbulkan kekeliruan dan terpesongnya daripada maksud sebenar fatwa yang diberikan.

SEJARAH PERKEMBANGAN FATWA

Fatwa, merupakan suatu keperluan umat Islam dalam memelihara kelangsungan hidup mereka, kunci kepada batas-batas kehidupan beragama, jalan kepada memahami ketetapan dan hukum-hukum Allah di atas muka bumi ini dan method efektif dalam menyampaikan maklumat serta ilmu kepada manusia. Rasulullah, sebagaimana sifatnya sebagai seorang Rasul ataupun utusan Allah merupakan seorang pemberi fatwa kepada sebarang kemosyikilan dan persoalan yang timbul, dan ini adalah bertepatan dengan firman Allah dalam Surah an-Nahl ayat 44:-

وَأَنْزَلَنَا إِلَيْكَ الْذِكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: *Dan Kami pula turunkan kepadamu wahai Muhammad al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya.*

Pada zaman Rasulullah SAW, fatwa merupakan hak eksklusif Baginda tanpa campur tangan daripada mana-mana pihak kerana fatwa Baginda adalah berasaskan wahyu sama ada daripada al-Quran



Konsep Fatwa dan Cabaran

mahupun al-Sunnah dan sumber wahyu hanyalah dari Allah. Ini secara tidak langsung menutup ruang bagi sebarang perselisihan dalam hukum hakam. Rasulullah SAW merupakan mufti pertama kerana Baginda adalah penerang dan penjelas yang pertama kepada hukum Islam sebagaimana Baginda menjadi tugas dan misi utama kepada risalahnya (al-Qaradawiy 1999:13-14).

Pada zaman para sahabat pula, apabila diajukan sebarang persoalan dan kemosykilan, mereka akan merujuk kepada al-Quran, jika mendapat terdapat hukum mereka akan amalkan dan apabila mereka tidak mendapat hukum di dalamnya, mereka akan merujuk kepada al-Sunnah. Sekiranya mereka tidak mendapat hukum dalam kedua-duanya mereka akan bertanya kepada mana-mana sahabat jika mereka pernah memutuskan hukum dalam perkara tersebut dan jika ada, mereka akan membuat perbandingan di antara kedua-duanya dan mana-mana natijah yang mereka rasakan lebih sesuai berdasarkan dalil-dalil yang jelas. Mereka akan menetapkan hukum berdasarkan perbandingan tersebut (Muhammad Salam Madkur 1969: 31).

Para sahabat juga berbincang dan bermusyawarah dalam memutuskan sesuatu hukum. Sebarang perkara yang telah mereka sepakati dan mereka amalkan inilah yang dinamakan Ijma` . Saidina Umar sentiasa berkata “Jika tiada Ali nescaya musnahlah Umar” dan Saidina Ali pula apabila didatangkan sesuatu pandangan, beliau tidak akan menerimanya tanpa mendapat pandangan daripada sahabat-sahabat utama yang lain terutamanya Saidina Abu Bakar dan Saidina Umar. Kebanyakan para sahabat utama ialah juga seorang mufti di mana para sahabat lain bertanyakan mereka tentang sesuatu hukum bahkan sebahagian daripada sahabat-sahabat ini dilantik menjadi hakim seperti Ibnu Mas`ud, Imam Ali RA, Zaid bin Thabit, Ubay bin Kaab dan Abi Musa (al-Shawkaniyy t.th:7).

Bagaimanapun pada awal kurun yang kedua hijrah, keadaan ini telah mula berubah apabila munculnya bermacam-macam aliran yang menyebabkan berlakunya perselisihan dan ini banyak disumbangkan oleh beberapa faktor seperti berlakunya percampuran bangsa Arab dan bukan Arab yang membawa kepada percampuran kedua-dua bahasa, kemunculan gerakan-gerakan politik, sekolah-sekolah dan aliran-aliran yang masing-masing mempunyai hala tuju pemikiran mereka sendiri, juga kemasukan berbagai-bagai bangsa dan adat hasil daripada pesatnya perkembangan negara Islam (Ibn al-Qayyim 1370H:201). Ulama` zaman ini memberikan fatwa kepada orang ramai dan meriwayatkan

hadis daripada Rasulullah. Orang ramai boleh pergi kepada mana-mana mufti yang mereka suka dan kadang-kadang mereka pergi pula kepada mufti yang lain.

Kurun kedua hijrah hingga kurun keempat hijrah dianggap era keemasan kepada perkembangan hukum-hukum dan fatwa. Era ini menyaksikan kemunculan tokoh-tokoh pengasas mazhab-mazhab, pakar-pakar dalam berbagai-bagai disiplin ilmu seperti ilmu fiqh, ilmu qiraat, ilmu ulum al-Quran, ilmu hadis dan ilmu kalam. Di samping itu, ia juga menyaksikan gerakan penterjemahan secara besar-besaran, pembukuan dan penghimpunan masalah-masalah yang berkaitan dalam satu tajuk, pembukuan ilmu usul fiqh dan ilmu-ilmu lain (Abdul Karim Zaidan 1996:118).

Dengan berakhirnya kurun keempat hijrah dan bermulanya kurun kelima hijrah hingga kejatuhan kota Baghdad di tangan Monghol pada tahun 656 Hijrah, di anggap berakhirnya era kegemilangan ilmu fiqh dan ilmu-limu yang lain serta digantikan dengan era kebekuan dan taqlid. Ini adalah hasil daripada pergolakan politik, mental dan sosial yang berlaku di kalangan umat Islam pada ketika itu. Ulama-ulama tidak lagi aktif dalam aktiviti fiqh bahkan hanya mengikut dan bertaqlid kepada mazhab-mazhab yang terdahulu. Semangat taqlid telah mengambil tempat semangat ijihad sementara fatwa pula tidak keluar daripada skop mazhab mufti (Abdul Karim Zaidan 1996:122).

Era kejatuhan kota Baghdad hingga kurun ke tujuh hijrah, seterusnya hingga kini dianggap era taqlid dan kebekuan. Fuqaha masih dalam kelesuan mereka, bergelut dan cuba keluar dari kepompong taqlid. Pun begitu, terdapat beberapa orang ulama` seperti Imam Shawkaniy, Ibn Taimiyyah dan anak muridnya Ibn al-Qayyim yang cuba membawa fiqh keluar daripada belenggu mazhab dan seterusnya cuba memutuskan hukum-hakam dengan merujuk terus kepada al-Quran dan al-Sunnah tanpa dipengaruhi oleh mana-mana mazhab (Abdul Karim Zaidan 1996:126).

PERKEMBANGAN FATWA PADA ZAMAN MODEN

Perkembangan ilmu Fiqh pada zaman moden menyaksikan kebangkitan yang signifikan terhadap fatwa. Dengan kemunculan majalah-majalah berkaitan fatwa seperti majalah al-Ahkam al-Adliyyah pada akhir kurun yang ke-13 Hijrah, majalah Ahkam al-Syariyyah ala Fiqh al-



Konsep Fatwa dan Cabaran

Hanbali, Mawsu`ah fi al-Fiqh al-Islami, Mawsu`ah Jamal Abdul Nasir fi al-Fiqh Islami. Juga kemunculan majma`-majma` fiqh seperti Majma` al-Buhuth al-Islamiyyah di Universiti Al-Azhar pada tahun 1961 yang mengandungi pelbagai lajnah-lajnah yang bertanggungjawab menjawab hukum fiqh dalam pelbagai mazhab.

Selain itu kemunculan ICT dalam kehidupan manusia juga menyumbang kepada penyebaran fatwa-fatwa dengan para pengendalinya dianggotai oleh para ahli agama dan profesional yang mempunyai pengetahuan dalam bidang Syariat Islam. Selain itu juga dengan kemunculan rancangan radio dan televisyen yang dikelolakan oleh para ulama dan mufti untuk menjawab persoalan-persoalan masyarakat dengan sebahagian daripadanya adalah rakaman dan sebahagian pula adalah soalan spontan banyak membantu mengembangkan lagi proses penyebaran fatwa.

Ini semua menunjukkan perubahan aliran perkembangan fiqh dan fatwa daripada kebekuan dan jumud kepada lebih terbuka di samping adanya bantuan dari segi penyebaran melalui teknologi-teknologi semasa

PENGUATKUASAAN FATWA DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Sejak dahulu lagi Enakmen Undang-undang Islam di negeri-negeri kebanyakannya dibuat sekitar akhir 80-an dan awal 90-an. Fatwa adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam negeri-negeri dan dikeluarkan oleh Majlis. Majlis mempunyai kuasa untuk membuat dan menyiarkan fatwa sama ada dengan kuasanya sendiri ataupun melalui Jawatankuasa Fatwa yang dilantik oleh Majlis.

Di Wilayah Persekutuan Seksyen 34 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam 1993 (Akta 505) memperuntukkan:

34.(1) Mufti hendaklah atas perintah yang di-Pertuan Agong, dan bolehlah atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang ditujukan kepada Mufti, membuat dan menyiarkan dalam Warta suatu fatwa atau pendapat atas apa-apa persoalan yang belum diselesaikan atau yang menimbulkan pertikaian mengenai atau berhubungan dengan Hukum Syarak.

34.(2) Tiada pernyataan yang dibuat oleh Mufti boleh diambil sebagai fatwa melainkan jika dan sehingga pernyataan itu disiarkan dalam Warta menurut subseksyen (1).

Peruntukan di atas jelas menunjukkan dari sudut tatacaranya, persoalan mengenai Hukum Syarak atau Fatwa hendaklah diajukan terus kepada Mufti bukannya melalui Majlis Agama terlebih dahulu. Fatwa boleh dikeluarkan sama ada atas daya usaha Mufti sendiri atau atas perintah Yang di-Pertuan Agung ataupun atas permintaan daripada mana-mana orang.

Dalam pengeluaran sesuatu Fatwa, Mufti sebenarnya tidak bertindak berseorangan. Mufti akan menjalankan tugasnya bersama dengan Jawatankuasa Fatwa. Nama Jawatankuasa Fatwa di Wilayah Persekutuan adalah Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak.

Berdasarkan kepada Seksyen 37.(2) Akta yang sama menyatakan bahawa Jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada Mufti sebagai pengurus, Timbalan Mufti, dua orang anggota Majlis yang dinamakan oleh Majlis, sekurang-kurangnya dua orang yang layak dan sesuai yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai Jabatan Agama Islam Wilayah-wilayah Persekutuan yang dilantik oleh Majlis, yang hendaklah menjadi setiausaha.

Seksyen 37.(5) Bilamana Mufti bercadang hendak membuat Fatwa dia hendaklah memanggil suatu mesyuarat jawatankuasa bagi maksud membincangkan Fatwa yang dicadangkan itu.

37.(6) Sebelum Mufti membuat Fatwa, dia boleh menyebabkan kajian-kajian atau penyelidikan dijalankan sebagaimana yang diarahkan olehnya dan kertas kerja disediakan.

PENGUATKUASAAN FATWA

Mengikut peruntukan di dalam Akta, Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan, suatu keputusan yang dibuat tidak dinamakan sebagai Fatwa sekiranya ia dikeluarkan tidak mengikut prosedur atau acara yang ditetapkan. Fatwa hendaklah dikeluarkan oleh orang atau Jawatankuasa yang diberi kuasa dan disiarkan di dalam Warta. Setelah Fatwa itu disiarkan di dalam Warta, barulah ia boleh dikuatkuasakan. Selain itu, oleh kerana Perlembagaan



Konsep Fatwa dan Cabaran

Persekutuan menetapkan bahawa perkara agama terletak di bawah bidangkuasa negeri, maka sesuatu fatwa yang dikeluarkan oleh negeri tertentu hanya mengikat orang yang tinggal di negeri di mana fatwa tersebut dikeluarkan. Sebagaimana menurut Seksyen 34.(3) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan, apabila disiarkan di dalam Warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang bermastautin di Wilayah-wilayah Persekutuan sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipannya di sisi agama untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan, kepercayaan, atau pendapat peribadi.

34.(4) Sesuatu Fatwa hendaklah diiktiraf oleh semua Mahkamah dalam Wilayah-wilayah Persekutuan sebagai autoritatif mengenai semua perkara yang dinyatakan di dalamnya.

Di Malaysia, masyarakat Islam dapat menerima fatwa yang telah dikeluarkan kerana fatwa telah melalui proses kajian, penyelidikan dan perbincangan yang terperinci oleh mereka yang berautoriti. Sesuatu fatwa yang dikeluarkan telah mengambil kira semua aspek termasuk kemaslahatan manusia dan maqasid syariah.

Secara umumnya dari segi penguatkuasaan, Mufti dan Jabatan Mufti tidak bertanggungjawab dalam menguatkuasakan sesuatu fatwa. Tugas Jabatan Mufti hanya menyelesaikan sesuatu persoalan hukum semasa yang diperlukan oleh masyarakat atau kerajaan negeri.

Pihak yang bertanggungjawab dalam menguatkuasakan fatwa adalah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Bahagian Penguatkuasaan. Mereka yang mempunyai kuasa untuk menahan atau melakukan penangkapan berdasarkan fatwa yang telah diwartakan. Di samping itu juga, Bahagian Pendakwaan juga mempunyai peranan apabila proses pendakwaan dilakukan di Mahkamah.

MENGINGKARI FATWA

Apabila fatwa diwartakan, ia akan berkuatkuasa serta mengikat orang yang bermastautin di negeri berkenaan. Semua negeri ada memperuntukkan hukuman kepada orang Islam yang melanggar fatwa. Di Wilayah Persekutuan, sesiapa yang bertindak dengan cara menghina pihak berkuasa agama atau mengingkari, melanggar atau

mempertikaikan perintah atau arahan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam, Majlis atau Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui Fatwa adalah melakukan suatu kesalahan. Apabila disabitkan, ia boleh didenda tidak melebihi RM3,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya (Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1997, Seksyen 9).

Selain itu, mana-mana orang yang memberikan, mengembangkan atau menyebarkan pendapat tentang agama Islam, Hukum Syarak atau apa-apa isu yang bertentangan dengan mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan adalah dianggap telah melakukan suatu kesalahan. Apabila disabitkan, ia boleh didenda tidak melebihi RM3000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali (Seksyen 12).

Dalam konteks fatwa yang telah diwartakan, Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan memperuntukkan bahawa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan bagi pihak Wilayah Persekutuan diberi kuasa untuk menguatkuasakan sesuatu fatwa dengan mendakwa mana-mana orang Islam yang melanggar fatwa dan peruntukkan berkenaan sebagai kesalahan jenayah di Mahkamah Syariah.

Sehingga kini tidak terdapat kes pendakwaan yang melibatkan perlenggaran fatwa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kes yang berlaku di Selangor yang melibatkan perlenggaran fatwa pada tahun 1998 tentang pertandingan ratu cantik.

FATWA-FATWA TERPILIH WILAYAH PERSEKUTUAN 2007

Fatwa hanya boleh dikuatkuasakan setelah diwartakan, manakala fatwa yang tidak diwartakan hanya sebagai rujukan sahaja. Terdapat lapan fatwa dari Januari 2007 sehingga Mei 2007 yang telah diwarta dan dikuatkuasakan, antaranya ialah:

1. Hukum Melantik Wanita Sebagai Hakim Syarie

Wanita harus dilantik menjadi Hakim Syarie dalam kes-kes selain kes hudud dan qisas. Pemilihan dan pelantikan hendaklah dibuat dengan penuh teliti dan teratur (Wilayah Persekutuan. 25 Januari 2007. Warta No.2. Warta Kerajaan).



2. Kumpulan *The Black Metal*

Amalan dan perbuatan Kumpulan *The Black Metal* adalah sesat dan bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar. Oleh itu, umat Islam diminta menjauhi kumpulan tersebut kerana perbuatan dan amalan mereka boleh menyebabkan seseorang itu terkeluar daripada Islam (Wilayah Persekutuan. 25 Januari 2007. Warta No.2. Warta Kerajaan).

3. Status Kesucian Ikan Diberi Makanan Tidak Halal

Ikan yang dipelihara di dalam kolam ternakan dan seumpamanya adalah haram dimakan sekiranya ikan tersebut sengaja dipelihara di dalam air najis atau sengaja diberi makanan najis seperti daging, babi, bangkai dan sebagainya (Wilayah Persekutuan. 25 Januari 2007. Warta No.2. Warta Kerajaan).

4. Ajaran Ashaari Bin Muhammad

Ajaran pegangan dan fahaman yang dibawa dan dipegang oleh Haji Ashaari bin Muhammad dan pengikutnya termasuklah orang yang terlibat secara langsung dalam syarikat Rufaqa' Corporation dan rangkaian syarikat gabungannya adalah menyeleweng daripada ajaran Islam (Wilayah Persekutuan. 31 Mei 2007. Warta No.11. Warta Kerajaan).

CABARAN PENGUATKUASAAN FATWA

Isu penguatkuasaan fatwa sering dibangkitkan apabila timbul sesuatu isu baru yang memerlukan fatwa dikeluarkan dan seterusnya dikuatkuaskan. Masyarakat Islam di Malaysia sentiasa mematuhi undang-undang termasuk juga fatwa. Namun begitu, terdapat sebilangan kecil daripada masyarakat yang kadang-kadang tidak mematuhi fatwa yang dikeluarkan. Kemungkinan terdapat di kalangan mereka yang tidak mengetahui tentang perkara itu dan melakukan perkara yang bertentangan dengan hukum syarak. Dalam perkara ini sudah tentu terdapat banyak cabaran dan rintangan yang dihadapi oleh pihak yang tertentu dalam memastikan masyarakat Islam di Malaysia memahami kedudukan fatwa dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Antara perkara-perkara yang perlu dikaji untuk memantapkan penguatkuasaan fatwa di Wilayah Persekutuan adalah seperti berikut:

1. Kerjasama Padu Antara Pejabat Mufti dan JAIWP

Pejabat Mufti memainkan peranan penting dalam urusan fatwa dari mula sehingga ia diwartakan. Apabila sesuatu fatwa diwartakan maka tanggungjawab penguatkuasaan diserahkan kepada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Bahagian Penguatkuasaan akan menguatkuasakan fatwa tersebut dan memastikan masyarakat Islam mematuhi.

Jika dilihat, terdapat dua pihak yang mempunyai hubungan yang rapat dalam memastikan kelancaran sesuatu fatwa itu. Oleh sebab yang demikian, Jabatan Mufti dan Bahagian Penguatkuasaan haruslah sentiasa bekerjasama dalam memastikan fatwa yang telah diwartakan dilaksanakan sebaik mungkin. Kedua-dua belah pihak haruslah sentiasa berbincang dan membangkitkan isu-isu terkini yang berkaitan dengan perlaksanaan fatwa. Disarankan sekiranya sesuatu fatwa yang telah diwartakan oleh Pejabat Mufti, ia hendaklah dijelaskan secara terperinci kepada semua kakitangan Bahagian Penguatkuasaan agar mereka mengetahui secara mendalam sebab sesuatu fatwa diputuskan bukan hanya sekadar melakukan penguatkuasaan tanpa pengetahuan yang mendalam mengenai sesuatu fatwa.

2. Penyebaran Fatwa

Pada kebiasaannya apabila sesuatu isu baru timbul di kalangan masyarakat Malaysia yang memerlukan fatwa, ia dibincangkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan diberi pemberitahuan melalui media massa ataupun media cetak. Tetapi bagaimana pula penyebaran dan pemberitahuan fatwa di peringkat negeri? Sehingga kini, jarang sekali dipaparkan di media cetak dan media massa. Masyarakat hanya mengetahui sesuatu fatwa yang diwartakan sekiranya mereka merujuk ke Pejabat Mufti sahaja.

Dalam hal ini, pihak yang tertentu haruslah memainkan peranan dalam memastikan fatwa yang telah diwartakan dimaklumkan kepada semua masyarakat yang tinggal dalam sesebuah negeri. Kita tidak ingin timbul isu yang menyatakan mereka melakukan perkara yang bertentangan dengan syarak disebabkan mereka tidak mengetahui tentang fatwa perkara tersebut. Di sini di sarankan agar semua pihak yang berautoriti dapat mencari mekanisma yang terbaik dalam mewar-warkan fatwa, di samping dengan sokongan media cetak dan media massa.



Fatwa yang telah diwartakan juga boleh diletakkan di masjid-masjid, universiti, perpustakaan dan di mana-mana tempat yang difikirkan dapat membantu masyarakat memperolehinya.

3. Sokongan Semua Pihak Yang Berautoriti

Pihak yang mempunyai kuasa sepenuhnya dalam menguatkuaskan fatwa adalah Bahagian Pengukuasaan JAWI. Namun begitu, terdapat beberapa pihak lain yang boleh membantu dalam melicinkan pengukuasaan fatwa seperti Jabatan Mufti boleh memberi nasihat kepada mereka yang melanggar fatwa selain kerjasama dengan pihak berkuasa lain seperti Kementerian Dalam Negeri, Polis dan Jabatan Kastam serta pihak berkuasa lain. Dengan kerjasama yang padu di antara semua pihak, sudah tentu sesuatu pengukuasaan fatwa dapat berjalan dengan lancar dan masyarakat dapat menerimanya sebaik mungkin.

4. Pendidikan dan Penyebaran Maklumat

Melalui pendidikan juga dapat membantu masyarakat memahami tentang konsep dan kedudukan fatwa. Terdapat beberapa institusi yang membincangkan isu yang berkaitan dengan pengurusan fatwa. Selain itu juga, dengan perkembangan teknologi maklumat pada masa kini, ia memudahkan masyarakat mendapatkan maklumat melalui internet. Dengan perkembangan ini, tiada alasan lagi sesuatu fatwa itu tidak diketahui oleh masyarakat, Cuma apa yang perlu dilakukan adalah memastikan segala maklumat yang diberikan sentiasa terkini dan baru.

5. Kesulitan Penyelarasian Fatwa bagi Seluruh Malaysia

Masyarakat seharusnya tahu bahawa fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan tidak mengikat mana-mana orang Islam di Malaysia melainkan telah dibincangkan semula dalam Jawatankuasa Fatwa Negeri dan diwartakan. Keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan tidak mengikat negeri-negeri yang menjadi anggota untuk menerimanya. Dengan kata lain, keputusan itu tidak semestinya diterima atau berkuatkuasa bagi seluruh Malaysia (Abdul Monir Yaacob 1988:139). Ini secara tidak langsung menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat tentang kedudukan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan negeri mengenai fatwa yang dikeluarkan.

Inilah perkara yang perlu difahami oleh masyarakat bahawa sekiranya Jawatankuasa Fatwa Negeri tidak mengeluarkan fatwa dan mewartakan semula fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Bahagian Penguatkuasaan tidak boleh menguatkuasakan fatwa tersebut dan tidak mempunyai hak untuk menahan sesiapa yang melanggari fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.

KESIMPULAN

Secara umumnya, tahap penguatkuasaan fatwa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah di tahap yang rendah dan lemah berdasarkan pemerhatian oleh penulis dan temu bual bersama pegawai Bahagian Penguatkuasaan, JAWI. Antaranya adalah disebabkan beberapa cabaran yang dihadapi oleh Bahagian Penguatkuasaan, JAWI terutama dari segi bilangan kakitangan yang tidak mencukupi dan kaedah penyebaran fatwa kepada masyarakat yang tidak sistematik dan tersusun. Di samping itu, jalinan antara Jabatan Mufti dan Bahagian Penguatkuasaan mesti seiring dalam menjamin penguatkuasaan sesuatu fatwa itu. Ini adalah kerana, tidak ada gunanya fatwa itu diwartakan oleh Jabatan Mufti sekiranya ia tidak dimaklumkan kepada Bahagian Penguatkuasaan. Sekiranya fatwa yang telah diwartakan tidak sampai kepada pihak penguatkuasaan, bagaimana pula penyampaiannya kepada masyarakat setempat. Perkara-perkara seperti ini akan membantutkan usaha dalam menguatkuasakan sesuatu fatwa dan tidak hairan ada di kalangan masyarakat yang tidak mematuhi fatwa yang telah diwartakan.

Berdasarkan kepada situasi ini, beberapa kajian lanjutan perlu dilakukan oleh Majlis Kebangsaan Fatwa dengan kerjasama Jawatankuasa Fatwa Peringkat Negeri untuk mengatasi isu ini terutama dari segi penguatkuasaan fatwa di peringkat negeri mahupun kebangsaan. Kajian ini perlu dilakukan secara menyeluruh kerana sekiranya isu penyelarasan penguatkuasaan fatwa tidak diselesaikan, ia akan memberi kesan jika fatwa dikeluarkan tetapi tiada penguatkuasaan daripada pihak yang berkenaan.

Justeru, pihak-pihak yang berkenaan perlu mengambil tindakan yang drastik dalam menangani permasalahan ini. Segala cabaran penguatkuasaan fatwa perlu dikaji semula secara terperinci untuk memastikan institusi fatwa dihormati dan fatwa yang diwartakan



Konsep Fatwa dan Cabaran

sentiasa dipatuhi oleh masyarakat Islam. Masyarakat juga perlu faham dan mengambil maklum mengenai fatwa-fatwa yang telah diwartakan serta tindakan yang akan dikenakan sekiranya mengingkari fatwa. Tindakan ini adalah untuk memastikan kesucian agama Islam terpelihara di negara ini khususnya di Wilayah Persekutuan.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Abdul Karim Zaidan. 1996. *al-Madkhāl li dirasah al-Syariah al-Islamiyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Abdul Monir Yaacob. 1998. *Mufti dan Fatwa di Negara-negara Asean*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Ahmad Hidayat Buang. 2004. *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Hidayat Buang. *Pembentukan Fatwa: Sejarah, Kaedah dan Sumber*. (Kertas Kerja). Kursus Pembangunan dan Pengembangan Fatwa Negara Mabims.
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.
- Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505).
- Al-Ashqar, Muhammad Sulayman. 2001. *al-Wadih Fi Usul al-Fiqh*. ‘Amman: Dar al-Nafa’is.Al-Mallah, Husayn Muhammad. 2001. *al-Fatwa Nash’atuha Wa Tatawwuruha Usuluha Wa Tatbiqatuha*. Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah.
- Al-Misriyy, Zakariyya ‘Abd al-Razzaq. 1998. *Usul al-Fiqh al-Islamiyy*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Qaradawiy, Yusuf. 1999. *Fatwa antara Ketelitian dan Kecerobohan*. Penterjemah: Ahmad Nuryadi Asmawi.
- Al-Qarafiy. Shahabudin Ahmad. 1344H. *al-Furuq*. Kaherah: Matba’ah al-Halabiyah.
- Al-Qasimiyy, Jamal al-Din. 1986. *al-Fatwa Fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

- Al-Shawkaniyy, Muhammad bin ḨAliyy. 1997. *Irshad al-Fuhul*. Makkah al-Mukarramah: Maktabah Nazzar Mustafa al-Baz.
- Al-Zaybariyy, ḨAmir Saṣid. 1995. *Mabahith Fi Ahkam al-Fatwa*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Ibn al-Qayyim. 1370H. *Zad al-Ma’ad*. Maktabah al-Sunnah al-Muhammadiyyah.
- Ibn Manzur. 1956. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Beirut.
- Muhammad Rawas Qal’aji. 1985. *Mu’jam Lughat al-Fuqaha*. Beirut: Dar al-Nafais.
- Muhammad Salam Madkur. 1969. *al-Madkhāl li al-Fiqh al-Islāmi*. Kaherah: Dar al-Nahdah al-Arabiah.
- Negeri Selangor. 28 April 2005. Warta No.9. Warta Kerajaan.
- Temu bual bersama Abdul Jamel Bin Jaafar, Pegawai Istintbat, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 16 Ogos 2007.
- Temu bual bersama Nik Azlan, Pegawai Bahagian Penguinkuasaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 16 Ogos 2007.
- Wilayah Persekutuan. 25 Januari 2007. Warta No.2. Warta Kerajaan.
- Wilayah Persekutuan. 31 Mei 2007. Warta No.11. Warta Kerajaan.
- Zaini Nasohah. 2005. *Undang-undang Penguinkuasaan Fatwa di Malaysia*. Jurnal Islamiyyat. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

